

Dr M nafi selisih faham

BH 20 JUN 2001

Oleh Kadir Dikoh dan
Jamharlah Jaafar

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menafikan wujud per selisihan faham antaranya dengan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Sambil mengesahkan Daim tidak disiasat oleh pihak berkuasa, Perdana Menteri berkata, Daim, yang juga bekas Bendahari Agung Umno, menemuinya di Putrajaya semalam dan tidak ada masalah timbul.

Katanya, khabar angin mengenai Daim disiasat itu mungkin timbul apabila

Khabar angin mengenai Daim disiasat itu mungkin timbul apabila beliau selaku pemangku Menteri Kewangan sekarang, ingin mengetahui butiran lanjut mengenai perkara tertentu

beliau selaku pemangku Menteri Kewangan sekarang, ingin mengetahui butiran lanjut mengenai perkara tertentu.

Dr Mahathir juga mengakui menghadapi masalah mencari calon yang sesuai menggantikan Daim sebagai Menteri Kewangan.

Beliau menjelaskan demikian dalam sidang akhbar selepas majlis Amanat

Presiden sempena Perhimpunan Agung Umno yang bermula Khamis ini, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Berikut adalah soal jawab antara wartawan dengan Dr Mahathir pada sidang akhbar itu yang turut dihadiri Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Setiausaha

Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Penerangan, Datuk Mustapa Mohamed.

Wartawan: Adakah Datuk Seri menjelaskan isu mengenai peletakan jawatan Tun Daim dalam amanat pada perhimpunan tadi?

Dr Mahathir: Tak ada, dia tak ada isu. Apa dia isu Daim ini? D A I M (mengeja) Daim, D I A M (mengeja) diam. Tak ada isu apa pun. Dia minta nak berhenti, saya bagi dua bulan untuk dia fikir... kemudian dia berpendapat dia perlu berhenti, maka dia berhenti.

Semalam, dia datang jumpa saya. Kita tak ada

bergaduh antara satu sama lain, tak ada. Dia datang jumpa saya, ada perkara-perkara yang dia nak selesaikan. Kalau dia dah tak datang ke mesyuarat (perhimpunan) Umno, bukan kerana dia tak mahu, dia ahli Umno tapi dia bukan lagi bendahari, tak datanglah.... yang itu dia punya hak nak datang ke tak (ke Perhimpunan Umno).

Dia datang dulu, orang press (wartawan) tanya macam-macam. Dia semalam jumpa saya pun dia lari daripada press.

Wartawan: Adakah benar siasatan dijalankan terhadap Tun Daim?

Dr Mahathir: Tak ada, tak ada. Tak ada kena

dengan Daim

mengena.

Wartawan: Adakah kelewatan Datuk Seri melantik pengganti Tun Daim, disebabkan ada masalah mencari calon yang sesuai?

Dr Mahathir: (gelak)...yallah. Itulah saya kata, saya dok cari yang sesuai. Mungkin saya akan dapat (calon), tak dapat tak apa saya boleh jalan kerja. Ada masalah sesiapa tak dapat duit? (berseloroh). Saya terpaksa tandatangi setiap dokumen, baca setiap dokumen. Sekarang saya tidak bekerja 24 jam sehari, bekerja 48 jam sehari (gelak).

Kerja tak ada masalah... saya biasa kerja kuat. Siang

malam saya boleh buat kerja dan saya masih boleh bercakap dengan wartawan.

Wartawan: Pelbagai khabar angin tersebar sejak kebelakangan ini. Bolehkah Datuk Seri mengesahkan apa yang sebenarnya berlaku terhadap Tun Daim?

Dr Mahathir: Tidak ada siasatan...tidak ada siasatan. Mungkin mereka telah bertanya kepada beliau (Daim), saya tak tahu. Oleh kerana saya sekarang ini Menteri Kewangan, saya ingin tahu lebih lanjut mengenai perkara tertentu. Saya tidak tahu sama ada itu sebabnya mengapa siapa harus bertanya

beliau apa-apa.

Tetapi dia menemui saya semalam...tak ada masalah. Ini bukan kali pertama dia berjumpa saya, dia jumpa saya sekali sebelum ini apabila dia nak letak jawatan dan kita tidak bergaduh. Dia cuma datang (ketika itu) untuk menyatakkan yang dia nak meneruskan hasrat meletak jawatan...dan (semalam) untuk menyerahkan kepada saya semua akaun parti (Umno) kerana dia bukan lagi Bendahari.

Semalam, dia kata ada butiran tertentu dia belum dapat bagi saya. Jadi dia datang membawa semua fail dan memberikan semuanya kepada saya.